

Dibayangi dosa kekasih

Pemuda derita apabila mengetahui orang disayang tidak suci



KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

? Saya kini bekerja di sebuah syarikat swasta dan sudah mempunyai seorang teman wanita yang sangat istimewa. Kami bercadang berkahwin tahun ini.

Percintaan kami bermula dengan baik sehingga saya mengetahui rahsianya yang bukan lagi

berstatus dara.

Teman wanita pernah melakukan hubungan terlarang dengan bekas teman lelakinya dua tahun lalu. Akibatnya, saya begitu tertekan sehingga menjejaskan kesihatan.

Namun, atas perasaan cinta yang mendalam, saya masih bersamanya. Fikiran saya selalu terganggu mengingatkan teman wanita sudah melakukan dosa dengan teman lelakinya.

Sehebat mana pun saya memujuk hati untuk menenangkan perasaan ini, namun gelodak perasaan tetap membelenggu hingga berasakan diri lesu untuk hidup.

Saya tidak mahu tinggalkan kekasih kerana sangat menyayanginya. Dia juga sudah insaf dan bertaubat atas perbuatannya dulu.

Apa yang patut saya lakukan agar dapat meneruskan hidup dalam keadaan yang tenteram dan gembira?

JEJAKA LESU
Kelantan

! Apabila menyayangi seseorang, tentu sukar untuk mening-

galkannya walaupun tahu ada cerita duka pada zaman lampaunya.

Berbaur perasaan adik apabila mengetahui kekasih pujaan hati tidak lagi suci. Konflik jiwa adik ini hanya boleh dileraikan oleh empunya diri.

Adik adalah penentu dalam hubungan ini. Namun, sebelum satu keputusan dibuat, adik patut memberi peluang dan ruang masa untuk membuat satu keputusan yang baik.

Dalam sebarang keputusan yang diambil, memang ada risiko. Adik juga perlu bertanggungjawab dalam segala keputusan yang bakal diambil.

Dalam menguraikan dilema perasaan, ada baiknya jika adik bertanya kepada diri sama ada kekuatan cinta terhadap kekasih dapat memaafkan perbuatannya itu.

Segala kekusutan akan menjadi lebih mudah jika kemaafan dapat hadir dalam diri adik. Kemaafan lambat laun dapat mengatasi rasa tertekan adik itu.

Ada pepatah cinta yang mengatakan kita tidak perlu mengingati kisah lampau orang yang kita

sayang. 'Cintai kekasih atas dasar siapa dia sekarang dan bukan siapa dia sebelumnya.'

Adik juga perlu membina keyakinan untuk membangunkan kembali kepercayaan terhadap teman wanita. Cinta akan menjadi sukar jika kuat terpalit rasa tidak percaya dan tidak mahu memaafkan.

Namun, jika adik sudah berusaha sedaya upaya untuk memaafkan serta membina kembali rasa kepercayaan terhadap teman wanita tapl masih gagal, adalah lebih baik untuk melepaskannya.

Ini memberi peluang untuk adik dan teman wanita membina kehidupan lain yang lebih bermakna dengan orang lain.

Adakalanya jika kita mencintai seseorang, jika tidak dapat memilikinya, kita doakan agar kehidupannya tetap bahagia tanpa mengira siapa jodohnya. Kata orang, cinta adalah sebuah pengorbanan yang tulus. Tanpa ada rasa pengorbanan, cinta akan berlari jauh dan hilang.

Suka tangguh tugas

? Saya masih belajar di institusi pengajian tinggi awam dan berada pada tahun tiga. Saya hanya ada setahun lebih saja lagi untuk menghabiskan pengajian di universiti.

Namun, tabiat buruk saya iaitu suka menangguhkan tugas yang diberikan pensyarah banyak merugikan saya.

Saya jarang mendapat markah yang baik dalam tugas yang dihantar mungkin kerana saya suka membuat kerja pada saat akhir.

Akibatnya, markah keputusan peperiksaan semester juga rendah. Ibu bapa dan rakan-rakan sekuliah banyak kali mengingatkan saya untuk tidak leka dalam menyiapkan tugas diberi pensyarah.

Apabila ditegur, saya

sedar seketika tetapi selepas itu, saya akan balik semula kepada tabiat lama.

Banyak kali juga saya berjanji kepada diri sendiri untuk mengubah tabiat buruk ini tapi sering kali saya tidak patuh pada jadual waktu yang disediakan itu. Ibaratnya seperti mencurahkan air ke daun keladi. Bantulah saya untuk mengatasi masalah ini.

SUKA BERTANGGUH,
Negeri Sembilan

! Bertangguh bukanlah satu tabiat yang baik. Kerja atau tugas yang dihasilkan pada saat akhir memang sering kali menjejaskan prestasi.

Apa yang lebih membimbangkan ialah apabila perkara yang tidak diduga

berlaku pada saat akhir sebelum menghantar tugas.

Sebagai siswa tahun ketiga, Dr yakin adik boleh merancang kaedah sistematik untuk menyiapkan tugas awal. Antaranya, sebaik saja pensyarah memberi tugas, adik perlu mula mencari dan mengumpul maklumat atau bahan yang diperlukan untuk tugas berkenaan.

Adik boleh menggunakan jadual atau carta untuk merancang secara teratur.

Dr juga nasihatkan adik supaya bertemu pensyarah sekiranya in-

gin mengetahui lebih lanjut lagi mengenai tugas diberikan.

Sebagai tempat rujukan, Dr yakin pensyarah gembira jika ada pelajar berjumpa untuk membincangkan tugas yang diberikan. Ini menunjukkan betapa komitednya pelajar itu dalam menyiapkan tugasannya.

Adakalanya juga, tu-

gasan diberi dalam bentuk kumpulan. Adik perlu membuat pertemuan dengan ahli kumpulan lebih awal untuk membincangkan atau membahagikan tugas.

Jangan lupa untuk memastikan setiap ahli kumpulan diberi tugas sama rata.

Adik hampir menyelesaikan pengajian.

Janganlah sampai tabiat suka bertangguh membuat tugas akan memberi kesan kepada keputusan akademik adik kelak.

Semoga adik dapat mengubah tingkah laku negatif ini kepada satu sikap positif yang akan membawa kepada kebaikan pada diri sendiri. Selamat berjaya!

